

11 MAR 1997

DR MAHATHIR BERI TAKLIMAT MENGENAI MSC DAN GEJALA SOSIAL

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyampaikan satu taklimat mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) dan masalah sosial kepada anggota Parlimen dan anggota Dewan Undangan Negeri di sini, hari ini.

Taklimat perdana itu yang diadakan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) turut dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN), Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri.

MSC meliputi kawasan seluas 15km x 50km di selatan ibu negara merangkumi Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang dan KLCC.

Ia akan menjadi pusat pemangkin bagi industri teknologi maklumat yang canggih, rangkaian bersepadu bagi syarikat-syarikat Malaysia dan antarabangsa untuk bekerjasama bagi mengeluarkan produk-produk baru dan perkhidmatan.

MSC juga merupakan kunci utama bagi Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. -- BERNAMA

HS PR